

## Fasal-Fasal Pencetus Keharmonian Hubungan Sesama Manusia dalam Undang-Undang 99 Perak

The Clause That Triggers the Harmony of Human Relationships in the Ninety-Nine Laws of Perak

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD & ZULKIFLI MOHAMAD

### ABSTRAK

*Makalah ini membincangkan fasal-fasal pencetus keharmonian hubungan sesama manusia dalam Undang-Undang 99 Perak. Undang-undang 99 Perak merupakan karya agung Melayu yang ditulis pada zaman pemerintahan kesultanan Perak sebagai panduan atau kiat kepada pemerintah Perak untuk menjalankan tugas sebagai pemimpin tertinggi kerajaan bagi mentadbir urus pemerintahan yang adil dan saksama. Undang-Undang 99 Perak merangkumi undang-undang pentadbiran dan pemerintahan, undang-undang jenayah, undang-undang keluarga dan masyarakat serta undang-undang perkahwinan. Pembahagian ini adalah berdasarkan kepada penyelesaian isu yang dihadapi oleh rakyat jelata bagi mengekalkan keharmonian dalam kerajaan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti fasal-fasal dominan tentang keharmonian hubungan sesama manusia dan menganalisis cara atau kaedah kehormanian tersebut dibentuk oleh golongan pemerintah dan pembesar. Bagi mencapai objektif penulisan, kaedah kepustakaan dan analisis teks telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat fasal-fasal dalam Undang-Undang 99 Perak yang dapat mencetuskan keharmonian dengan penglibatan secara berangkai antara raja, pembesar dan juga rakyat jelata. Dengan adanya kajian seperti ini, diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pengkaji undang-undang untuk mengetahui isi kandungan yang terdapat dalam manuskrip bergenre seperti ini dan seterusnya membuka ruang pengkajian dari sudut lain yang dapat diterokai bagi melestarikan pengkajian manuskrip Melayu lama.*

*Kata kunci:* Karya Agung Melayu; keharmonian; manuskrip Melayu; Kesultanan Melayu Perak; Undang-undang 99 Perak

### ABSTRACT

*This article discusses the clauses that trigger the harmony of human relations in The Ninety-Nine Laws of Perak. The Ninety-Nine Laws of Perak is a Malay masterpiece written during the Sultanate's reign as a guide or advice to the Perak government to carry out its duties as a leader to administer a fair government. It consists of administrative and governmental laws, criminal laws, family and community laws and marriage laws. This division is based on solving the issues faced by ordinary people to maintain harmony in the government. Therefore, the present article will focus on two objectives: identifying the dominant clauses about the balance of human relationships and analysing the ruling class and dignitaries from the approaches of unity. Library research and content analysis were employed to achieve the study's objective. The study results show that clauses in the Ninety-Nine Laws of Perak can create harmony with the involvement of the king, dignitaries and even the ordinary people. Therefore, it is hoped that this study will contribute to law researchers by exposing content in genre manuscripts and opening an opportunity to explore research from a different perspective to sustain the study of ancient Malay manuscripts.*

*Keywords:* Malay Masterpieces; harmony; Malay manuscript; Perak Malay Sultanate; The Ninety-Nine Laws of Perak

### PENGENALAN

Manuskrip undang-undang dihasilkan adalah untuk membentuk kawalan sosial antara pemerintah dengan yang diperintah. Manuskrip bergenre ini merupakan susunan dekri yang dilakukan oleh pemerintah bagi mencapai kestabilan pemerintahan selain mencipta keharmonian isi dalaman kerajaan. Lazimnya, genre

ini dimiliki oleh pemerintah sebuah kerajaan sebagai salah satu kaedah untuk mentadbir rakyat bagi memastikan kelancaran pemerintahan (Salmah Jan Noor Muhammad 2022). Setiap kerajaan kesultanan Melayu mempunyai undang-undangnya tersendiri. Misalnya, kerajaan Melaka dengan Hukum Kanun Melaka, kerajaan Kedah terkenal dengan Undang-Undang Kedah, dan kerajaan Johor dikenali


dengan Undang-Undang Tubuh Johor. Kebanyakan undang-undang di Tanah Melayu berpaksikan pada Hukum Kanun Melaka akan tetapi terdapat undang-undang yang tidak sepenuhnya bertiangan kepada Hukum Kanun Melaka seperti Undang-undang 99 Perak. Hal ini kerana dikatakan bahawa pengasas kepada undang-undang ini adalah berasal daripada Hadramaut iaitu Sayid Hussain al-Faradaz Jamalullail. Namun begitu, undang-undang ini ditambah baik dengan mengasimilasi adat dan budaya masyarakat Perak.

Menurut Maxwell (1886), Sayid Hussain al-Faradaz merupakan guru agama pertama kepada sultan Perak. Kedatangan Sayid Hussain al-Faradaz Jamalullail pada zaman pemerintahan kesultanan Perak juga menjadi persoalan kerana terdapat rekod yang menyatakan bahawa beliau datang pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Iskandar Shah (1653-1720) (Abdul Halim Nasir 1977) dan ada sarjana yang menyebutkan bahawa beliau hadir di Perak pada tahun lebih awal iaitu pada 1577- 1584 pada

zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin (Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim 1995). Oleh itu, persoalan ini perlu dibangkitkan dari aspek sejarah dan antropologi untuk menjawab kepastian kepada isu tersebut.

Undang-undang 99 Perak ialah antara karya agung Melayu kepunyaan negeri Perak selain daripada Misa Melayu. Sehingga kini, manuskrip asal Undang-undang 99 Perak belum lagi ditemui. Namun begitu, terdapat dua buah versi manuskrip yang dikenal pasti bagi membantu mendapatkan gambaran keseluruhan corak undang-undang yang diamalkan di negeri tersebut. Versi tersebut ialah:

- Manuskrip *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, berkod MS 40327, disimpan di Perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS), London, bertarikh 10 Disember 1886 yang diperoleh daripada R.O Winstedt.



RAJAH 1. Salinan Digital MS 40327  
Sumber : School of Oriental and African Studies (SOAS), London

- b. Salinan faksimilile Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur (ANM 2007/0052706) bertarikh 12 Oktober 1916 yang dikatakan diperoleh melalui Jazamuddin Baharuddin, Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1981. Pada bahagian salinan

ini tercatat Sayid Ja'afar bin Sayid Unus yang berkhidmat selaku Dato' Penghulu Kuala Teja di dalam daerah Kinta, Negeri Perak dan pada halaman kedua salinan ini mencatatkan manuskrip ini dikurniai oleh Raja Haji Yahya.



RAJAH 2. Salinan faksimilile Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak

Sumber : Jelani Harun

Dalam penulisan ini, versi MS 40327 akan digunakan sebagai bahan perbincangan utama. Apabila menelaah kandungan pada undang-undang ini, ia bukan sahaja disediakan kepada golongan rakyat semata-mata tetapi juga kepada golongan pemimpin seperti raja, menteri dan penghulu kampung sebagai panduan dalam melaksanakan hala tuju pemerintahan. Pada awal pembentukannya, undang-undang 99 Perak mempunyai 40 fasal dan

ditambah senarai dari semasa ke semasa sehingga menjadi 99 fasal kesemuanya. Skop perbincangan manuskrip menjadi lebih luas dengan menyentuh adat dan budaya, norma serta pembangunan sahsiah masyarakat yang menambahkan lagi kesejahteraan dan keharmonian sesama manusia.

Secara keseluruhannya, manuskrip MS 40327 menyenaraikan perkara seperti berikut:

## JADUAL 1. Senarai Butiran MS 40327

Bil	Perkara	Halaman
1.	Halaman Judul	1
2.	Sebuah Pantun	2
3.	Sebuah Syair dengan bahasa Inggeris	3-4
4.	Syair Kapal Tenggelam	5-8
5.	Sebuah Pantun	9
6.	Syair Jeneral Yang Pertama	10-12
7.	Catatan	13
8.	Jadual Haribulan Arab	14
9.	Jadual Haribulan Orang Putih	15
10.	Catatan Peribahasa	16
11.	Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan	17 -36
12.	Sebuah Syair	37-38
13.	Sejarah awal dan pentadbiran kerajaan Negeri Perak	39-49
14.	Syair Neraka dan Syair Ibadat	50-53
15.	Aturan Raja-Raja dan Orang-Orang Besar Perak	54-55
16.	Pantun Orang Baru Berkasih-Kasihan Adanya	56
17.	Syair Tuan Wise Memungut Sewa Di Sayong	56-59

Berdasarkan pada jadual di atas, Undang-Undang 99 Perak dibincangkan pada perkara 11, halaman 17 hingga 36. Manuskrip ini telah ditransliterasi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh J. Rigby dan diterbitkan oleh R.J Wilkinson pada 1908 dalam *Papers on Malay Subject*. Seterusnya, Hooker pula telah menerbitkannya semula dengan tajuk *Reading in Malay Adat Laws* pada 1970. Pengkajian dan penerbitan Undang-Undang 99 Perak juga telah diusahakan oleh Fawzi Basri (1986) dengan menggunakan sumber daripada Arkib Negara Malaysia.

Selain itu, Norazit Selat (1999) memfokuskan penulisannya kepada pembahagian kuasa antara eksekutif dan kehakiman. Sementara, Halimah Hassan (2019) pula membincangkan tentang syarat-syarat pelantikan raja dan golongan bangsawan serta tanggungjawab golongan ini terhadap rakyat dan Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2021) menekankan tentang syarat-syarat pemakaian kedaulatan watan bagi dasar pentadbiran Kerajaan Perak. Manakala mutakhir ini, Jelani Harun (2022) juga telah mengkaji manuskrip ini, bersumberkan MS 40327 dari sudut filologi dan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan. Melalui pengamatan, kajian-kajian terdahulu cenderung kepada perbincangan sejarah dan politik tetapi tidak mengkategorikan dan memperincikan fasal yang mencipta keharmonian hubungan sesama manusia. Oleh itu, penulisan ini akan memfokuskan

kepada mengenal pasti fasal-fasal dominan, yang menyatakan tentang keharmonian hubungan sesama manusia dan juga menganalisis cara atau kaedah kehormanian tersebut dibentuk.

Objektif ini selari dengan pernyataan motif pengharapan kepada pembentukan kesejahteraan dan keharmonian ini yang jelas tertulis pada awal bahagian manuskrip ini, iaitu:

- a. Jadi inilah undang-undang diturunkan ke bawah angin ini, turun temurun menjadi ikutan pada mana-mana negeri yang ada beraja dan orang besar-besar supaya boleh dijalankan hukum undang-undang ini.
- b. Sebab pun maka diturunkan undang-undang ini kerana adalah tiap-tiap negeri itu ada rajanya dan orang besar serta penghulu dan anak baik-baik supaya menentukan pangkatnya. Jika didirikan hukum Quran dengan hukum undang-undang di dalam sebuah negeri nescaya amanlah isi negeri itu.

(MS 40327: 1)

Dalam melancarkan pelaksanaan penulisan ini, kaedah kepustakaan dan analisis teks telah digunakan untuk mendapatkan data kajian. Terdapat dua tahap utama tatacara kajian yang dirancangkan untuk mengemukakan penulisan ini, iaitu pengumpulan data dan penganalisisan data. Pada tahap pengumpulan data, penulis akan melakukan penelitian terhadap keseluruhan fasal yang bersesuaian dengan objektif kajian pertama. Setiap pembacaan akan diteliti dan dicatat,

terutamanya maklumat yang membincangkan topik kajian. Manakala, pada tahap penganalisisan data, perkara yang ditumpukan ialah berkenaan maklumat yang diperoleh daripada tahap pertama dan akan digunakan sebagai bahan perbincangan untuk menganalisis dapatan kajian bagi menjawab objektif kedua.

#### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Gaya kepengarangan manuskrip ini sangat menarik dan berbeza dengan manuskrip undang-undang lain yang terdapat di Tanah Melayu kerana ia dipersembahkan dalam bentuk dialog soal jawab antara Raja Nasarwan ‘Adil (Raja Nusyirwan Adil) dengan menterinya, bernama Khoja Birza Mir Hakim. Dialog yang dilontarkan adalah berkisar tentang permasalahan yang timbul dalam masyarakat dan diiringi dengan cadangan penyelesaian. Frasa ayat yang digunakan dalam sesi ini juga mudah difahami selain menonjolkan peranan menteri sebagai penasihat raja yang memberi panduan kepada raja agar mentadbir kerajaan dengan seadil-adilnya selaras dengan gelaran ‘bayangan Tuhan di muka bumi’ yang perlu meletakkan hak keadilan pada tempat yang sewajarnya.

Dalam Nasihat al-Muluk karangan Imam al-Ghazali menyatakan bahawa gelaran “Khalifah Allah”, Zillullahu fil-‘alam dan “Bayangan Tuhan Di dunia”, membuktikan bahawa pemerintah adalah model terbaik untuk menyeimbangkan hal dunia dan akhirat kepada golongan diperintah. Sementara itu, Taj al-Salatin pada fasal ke 10 dan ke 13 juga menekankan tentang pelantikan menteri. Antara intipati syarat pelantikan tersebut ialah bersifat amanah dan bertanggungjawab, sentiasa mengingatkan pemerintah agar tidak melanggar hukum syarak dan tidak berbuat aniaya kepada rakyat.

Undang-undang 99 Perak dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu undang-undang pentadbiran dan pemerintahan, undang-undang jenayah, undang-undang keluarga dan masyarakat serta undang-undang perkahwinan. Menerusi penulisan ini akan dibincangkan fasal-fasal yang membincangkan pembentukan keharmonian hubungan sesama manusia berserta kaedah.

#### PENDIDIKAN MENERUSI KAWALAN SOSIAL BERAJA

Menurut Jelani Harun (2017), teras utama yang membentuk nukleus politik Melayu adalah raja yang bertakhta merupakan seorang individu yang mempunyai nasab yang sah untuk mentadbir sesebuah kerajaan dan mempunyai rakyat yang akan mentaati segala arahan yang diperintahkan. Penjagaan nasab dapat menjamin kesejahteraan fizikal, emosi dan rohani (Yashar Shariff 2014). Oleh itu, salah satu inisiatif untuk membentuk keharmonian antara golongan pemerintah dan diperintah adalah dengan menjelaskan batasan antara kedua-dua golongan ini.

Batasan hubungan ini juga dikenali sebagai kawalan sosial. Menurut Amir Hassan Dawi (2002) kawalan sosial ialah amalan-amalan dalam kumpulan sosial yang menuruti norma yang telah ditetapkan oleh kumpulan tertentu. Rokiah Ismail (2002) menyatakan bahawa kawalan sosial ialah proses yang menyebabkan individu akur pada norma masyarakat manakala Halimah Hassan (2007) pula menjelaskan kawalan sosial ialah proses sosialisasi yang menjadi aspek keperkasaan dan kelestarian budaya dalam sesebuah masyarakat. Secara ringkasnya, kawalan sosial ialah peraturan yang ditetapkan oleh institusi berwajib terhadap sesebuah masyarakat bagi mengehadkan hubungan masing-masing.

Pada fasal 24: *Undang-Undang Orang Mengadap Raja atau Orang Besar-Besar* memperlihatkan rakyat dididik tentang cara mengadap raja secara tertib. Amalan protokol ini masih menjadi kewajiban kepada rakyat apabila menghadap raja-raja Melayu dengan mengaplikasi kaedah yang telah ditetapkan. Menerusi Undang-Undang 99 Perak, kaedah yang dinyatakan ialah: a) perlu menundukkan kepala, b) pandangan mata yang tetap dan tidak memandang terus kepada wajah raja, dan c) tidak menguatkan suara. Kaedah ini adalah sebagai tanda hormat dan pengakuan pemilikan tuan badan kepada pemerintah kerajaan.

... “Tatkala duduk di balai itu maulah tundukkan kepala dan tiada boleh diliarkan mata, dan jangan memandang mukanya, dan suara jangan besarkan, tetapkan seperti duduk diam di dalam adat

(MS 40327: 20).

Sememangnya raja mempunyai mandat untuk memberi pelajaran jangka panjang kepada rakyat agar sentiasa menjaga disiplin diri. Hal ini penting kerana ketertiban yang menjadi amalan lazim, akan turut membentuk akhlak yang baik kepada golongan rakyat. Menurut Abdullah al-Qari Salleh (1985), untuk mengukur kehidupan sesebuah bangsa adalah dengan melihat kepada ketinggian akhlak bangsa tersebut. Oleh itu, frasa ‘rakyat adalah cerminan keperibadian raja’ dapat berfungsi dengan baik apabila rakyat yang terdidik dengan ketetapan norma masyarakat turut mengaplikasikannya kepada masyarakat luar. Misalnya, Hang Tuah telah memberikan suatu simbol kemercuan sosial yang cemerlang kepada kerajaan Melaka apabila mengekalkan disiplin diri dan adab susila semasa menjadi utusan kerajaan ke Benua Keling dan Siam.

Menurut Zainal Abidin bin Borhan (2017), pemimpin yang tidak dapat mendidik rakyatnya diumpamakan seperti ‘rosak kelapa jika salah kukur, rosak manusia jika salah atur’. Dengan adanya penetapan hubungan antara raja dan rakyat, pemerintah bukan sahaja mendidik rakyat tentang adat istiadat tetapi sekali gus menerapkan konsep daulat dan tulah, yang mana rakyat perlu mencerahkan taat setia kepada raja secara total. Pengkhianatan adalah simbol kepada penderhakaan sepertimana yang berlaku kepada Sang Rajuna Tapa dan Hang Jebat. Keadaan ini akan berubah menjadi harmoni apabila kedua-dua golongan ini dapat menjalankan fungsi masing-masing demi kesejahteraan kerajaan.

#### AMALAN PERBINCANGAN ANTARA GOLONGAN SEKUFU

Amalan perbincangan sekufu yang dimaksudkan dalam penulisan ini adalah berfokuskan kepada hal ehwal pentadbiran. Menurut Fathi Yusof (2017), sekufu dari sudut selain daripada agama adalah meliputi soal pekerjaan, keturunan, kemerdekaan dan kekayaan. Dalam bahasa Arab, sekufu disebut dengan *kafa'ah*, yang bermaksud sama atau seimbang atau sama taraf pada kekuatan dan kemuliaan (*al-Munjid fi al-Lughah* 2002). Dalam Undang-Undang 99 Perak pada fasal 97, menyatakan berkenaan *Undang-Undang Orang Banyak Duduk Di Majlis Berkata di Tengah Majlis* yang menekankan perbincangan pentadbiran perlu dianggotai oleh golongan yang sama taraf.

Fasal ini menasihatkan bahawa perbincangan perlu dilakukan dengan golongan yang sekufu agar permasalahan kerajaan dapat diselesaikan dengan jayanya. Bagi mencapai keputusan yang terbaik, fasal ini juga menunjukkan bahawa keseimbangan darjat antara satu sama lain akan dapat mencegah daripada berlakunya konflik perbezaan. Secara simboliknya, perbezaan tahap pemikiran, tanggungjawab dan jawatan yang disandang oleh individu dalam kerajaan akan menimbulkan ketidakserasan dan sukar mencapai kesepakatan. Misalnya, perbualan ketua kampung tidak akan sama dengan perbualan golongan menteri kerana skop perbincangan dan penetapan solusi adalah berbeza.

Maka sembah menteri, “Jika seorang berkata-kata pada seorang, jangan dicampuri oleh orang banyak, mana-mana dilawannya oleh raja-raja atau orang besar-besar itulah saja”.

(MS 40327: 33).

Oleh itu, bagi mengatasi kecelaruan penyampaian maklumat, maka ditetapkan undang-undang perbincangan hal ehwal kerajaan hanya dihadiri oleh individu yang sekufu. Perkara ini penting untuk membina interaksi sosial yang baik. Menurut Sillars et al. (1984), persamaan dari aspek pemikiran akan membawa kepada kelebihan untuk mendapatkan idea yang banyak dan juga mampu mewujudkan komunikasi yang harmoni. Pendek kata, amalan perbincangan dalam golongan sekufu adalah perisai pencegahan daripada membuka ruang penghinaan status sosial.

#### PERKONGSIAN CABARAN PERASAAN DAN PEMIKIRAN

Seterusnya, pada fasal 99 : *Undang-Undang Raja-Raja Dengan Orang Besar-Besar Dan Rakyat Dan Rakyat Dengan Orang Besarnya* adalah suatu fasal yang menarik apabila wujudnya sesi perkongsian masalah golongan pemerintah dan diperintah. Perkara ini amat jarang didengari namun fasal 99 pada undang-undang 99 Perak ini mencatatkan maklumat tersebut. Terdapat tiga tahap yang dinyatakan iaitu perkongsian cabaran perasaan dan pemikiran oleh raja, perkongsian cabaran perasaan dan pemikiran oleh pembesar dan perkongsian cabaran perasaan dan pemikiran oleh raja dan pembesar kepada rakyat.

Khoja Mir Hakim menasihati raja agar meluahkan permasalahan yang menimpa bagi mengurangkan bebanan yang dipikul. Buktinya

Maka sembah menteri Birza Mir Hakim, “Ya tuanku, jika ada barang-barang apa datang baik atau datang jahat, jangan ditaruh di dalam hati, maulah dititahkan pada orang-orang besar.

(MS 40327: 33)

Selain itu, fasal 99 juga menasihatkan pembesar agar berkongsi cabaran perasaan dan pemikiran kepada raja :

Jika apa-apa baik dan jahat mau disebutkan pada rajanya, janganlah ditaruh di dalam hati.

(MS 40327: 33).

Undang-Undang 99 Perak menggariskan bahawa raja dinasihati agar meluahkan rasa fikir dan hatinya kepada menteri dan begitu juga sebaliknya. Tidak kira sama ada yang dirasai atau yang difikirkan itu bersifat positif atau negatif. Tidak dinasihikan bahawa tanggungjawab seorang raja dan pembesar adalah berat dan tidak dapat lari daripada tekanan pentadbiran. Tekanan dalam keadaan sederhana boleh mendatangkan kebaikan dan menjadi dorongan untuk melakukan kerja lebih sistematis. Namun demikian, sekiranya tekanan tidak dapat dikawal dengan baik, ia mampu mengganggu fizikal, emosi dan mental seseorang.

Menurut Cooper, C. L. & Marshall, J. (1976), jika tekanan tidak dapat diatasi dengan sebaiknya, akan memberi kesan kepada kesihatan dan juga mengganggu fisiologi, psikologi dan tingkahlaku. Justeru itu, perkongsian cabaran perasaan dan pemikiran adalah sangat perlu bagi mengurangkan tekanan di samping dapat menemui jalan penyelesaian yang matang. Bagi seorang raja adalah penting untuk mengawal stres agar keputusan yang diambil tidak bersalahan atau tidak setimpal dengan kesalahan manakala pembesar pula dikhuatiri memberi nasihat yang boleh membawa kepada kezaliman dan kehancuran kerajaan seperti mana yang dicatatkan menerusi Sulalat al-Salatin:

Adapun raja-raja itu umpama api, segala perdana menteri umpama kayu, kerana api itu jika tiada kayu tiada akan nyala...ra'ayat itu umpama akar, raja itu umpama pohonnya; jika tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri. Demikian raja-raja itu dengan segala ra'ayatnya ...jikalau kau bunuh ia (ra'ayatmu) dengan tiada dosanya, bahawa kerajaanmu binasa.

Sementara itu, dinyatakan juga raja atau pembesar perlu sepakat berkongsi berita baik atau buruk kepada rakyat agar rakyat mengambil peka tentang perkara yang berlaku dalam kerajaan.

Dan lagi, raja-raja atau orang besar-besar, jika lau apa bicara dan jahat maulah dinyatakan pada rakyat supaya boleh tahu didengarnya orang yang banyak supaya ditahu dan ingat

(MS 40327: 33).

Hal ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang prasangka dan juga fitnah yang menyebabkan berlakunya perpecahan dalam masyarakat. Perpecahan akan mengakibatkan keharmonian sesebuah kerajaan akan terjejas dan rakyat sentiasa akan hidup dalam keadaan berhati-hati dan saling tidak mempercayai antara satu sama lain. Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 103,

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَيْعَناً وَلَا تَفَرُّوا وَإِنْ كُرُوا نَعْمَلُ اللَّهُ عَلَيْكُمْ أَذًى كُثُرٌ مِّنَ الْأَنْارِ فَلَمَّا كُنْتُمْ فِي الْجَنَّاتِ فَاصْبِرُوهُمْ بِمُغْمَدَةِ الْخَوَافِنِ وَكُثُرٌ عَلَى شَفَّافِ حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَانْقَدَمُوكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَيْتَهُ لَعْنَمُ تَهْذِيْنَ

“Dan berpegang teguhlah kamu pada tali Allah (Islam), jangan berpecah-belah, dan ingatlah ketika kamu berada di jurang api neraka (disebabkan perpecahan), maka Allah menyelamatkan kamu dengan nikmat persaudaraan. Demikian Allah menerangkan pada kamu ayat-ayat-Nya, mudah-mudahan kamu beroleh petunjuk.”

Bagi mengelakkan perpecahan dan membuat ketetapan tentang hubungan dua darjah ini, Khoja Birza Mir Hakim menyarankan hubungan ini perlu dilakukan secara berangkai. Pertama, raja perlu memaklumkan kepada pembesar sesuatu berita yang diterima, tidak kira sama ada baik atau buruk agar tidak menanggung secara bersendirian atau memendam dalam hati permasalahan tersebut. Kedua, pembesar juga perlu memaklumkan perkara yang baik atau buruk kepada rajanya dan ketiga, raja dan pembesar tidak perlu menyembunyikan sesuatu perkara yang telah berlaku dalam kerajaan kepada golongan marhaen bagi mengelakkan timbulnya syak wasangka dan perluasan fitnah (MS 40327: 33).

Kegagalan hubungan komunikasi yang jelas antara raja dan pembesar serta rakyat boleh merencatkan hala tuju pemerintahan seperti mana yang berlaku pada pemerintahan kesultanan Melayu Melaka apabila bertebarannya fitnah dan kebencian yang menyebabkan kesultanan Melayu tersebut gagal meneruskan legasi pemerintahan. Wan Hashim (1997) dalam Mohd Azhar, et al. (2004) yang menyatakan: "... kelemahan dalam akibat fitnah-memfitnah dan hasad dengki di kalangan orang besarnya serta Sultan Mahmud yang berkuasa dan memerintah lebih banyak mengikut perasaan dan hawa nafsu seperti kata pepatah, "bersultan di mata beraja di hati" dan tidak patuh kepada prinsip

raja pemerintah yang adil seperti yang dituntut oleh Islam”.

Dengan itu, fasal yang membicarakan hubungan antara raja dan rakyat akan memberi pemahaman tentang peranan masing-masing. Sememangnya diakui pada zaman feudal, konsep pembatasan hubungan antara dua golongan ini sangat popular dan menjadi pegangan dalam pemerintahan. Tujuannya adalah untuk mengekalkan hubungan harmoni sekali gus mendisiplinkan kedua-dua golongan agar melaksanakan tugas masing-masing. Secara tidak langsung, hubungan ini akan mewujudkan komunikasi bersempadan agar raja dapat menjalankan tugas mentadbir urus kerajaan dan rakyat mengetahui tentang takrif tanggungjawab mendaulatkan raja dan kerajaan yang diduduki.

#### MENYANTUNI ISU RAKYAT SECARA BERHEMAH

Kedudukan raja terletak paling tinggi dalam struktur piramid pemerintahan dan memiliki kuasa mutlak dalam pentadbiran kerajaan. Undang-undang yang dicipta merupakan pemasutan dan pengukuhan pengaruh pemimpin terhadap rakyat jelata. Hal ini akan membuka peluang yang seluasnya kepada pemerintah termasuklah pembesar untuk bertindak mengikut kata hati, yang kadang kalanya boleh mengorbankan nyawa rakyat.

Walaupun begitu keadaannya, setiap rakyat yang mempunyai masalah perlu disantuni dengan mesra dan berhemah. Dengan cara tersebut, bebanan rakyat dapat dikurangkan dan pemerintah dapat melaksanakan keadilan dengan sebaiknya. Undang-Undang 99 Perak menyediakan garis panduan kepada raja tentang kaedah untuk menyantuni isu rakyat dengan menggunakan beberapa fasa yang dimulai dengan fasa penelitian diikuti oleh fasa penyemakan atau siasatan dan seterusnya fasa penyelesaian.

#### FASA PENELITIAN

Fasa penelitian ini adalah meneliti kekerapan permasalahan yang terjadi dalam kalangan rakyat. Kaedah dalam fasa ini dimulakan dengan mendapatkan terlebih dahulu pandangan daripada menteri kanan kerajaan. Dapat dinyatakan bahawa fasa ini adalah mengutamakan konsep musyawarah antara pemerintah dan juga pembesar. Pembesar adalah mata dan telinga bagi raja dan menjadi perantara amanat kepada rakyat. Konsep

musyawarah terserlah apabila di pihak pemerintah acapkali menggunakan frasa “bagaimana hukumnya”. Misalnya, pada fasal 22 : *Undang-Undang Orang Besar-Besar Tatkala Datang Orang Membawa Aduan Orang* dan fasal 66: *Undang-Undang Orang Beristeri* yang menyatakan Raja Nusyirwan Adil ingin mendapat kepastian daripada menteri baginda terhadap kebenaran langkah yang perlu dan akan diambil berkenaan menyantuni isu rakyat secara berhemah dengan membuat pertanyaan seperti berikut: Maka titah Raja Nusyirwan Adil, “Bagaimana hukumnya?” (MS 40327: 19 dan 28). Dalam hal ini, pembesar yang jujur dan amanah akan memberi nasihat yang baik dan berguna kepada pemerintah demi kedaulatan kerajaannya.

#### FASA PENYEMAKAN ATAU PENYIASATAN

Fasa penyemakan atau siasatan perlu dilakukan apabila mendapat aduan atau pun sesuatu kes yang serius menular dalam kerajaan yang boleh menjelaskan keharmonian yang dikecapi. Pentadbiran kerajaan perlu sentiasa bersiap siaga mengambil tindakan saksama untuk mencungkil kebenaran perkara tersebut tanpa memihak mana-mana pihak. Selepas itu, pembesar yang bertanggungjawab perlu menentukan atau mengategorikan permasalahan dan melaporkannya kepada pemimpin kerajaan.


Undang-Undang 99 Perak mencatatkan bahawa kaedah semakan atau siasatan adalah fasa seterusnya yang perlu dilakukan oleh Raja Nusyirwan Adil untuk menyantuni isu rakyat. Buktinya menerusi petikan berikut:

Maka sembah menteri, “Ya tuanku, maulah cari fikiran dahulu yang sempurna katanya atas itu, ada baiknya ada jahatnya. Maka di dalam baik itu ada pula jahatnya”

(MS 40327: 19).

Tindakan ini sangat penting bagi seorang pemerintah agar dapat melakukan tindakan susulan dengan menumpukan isu rakyat pada tahap paling maksimum, sederhana maksimum dan minimum berdasarkan laporan penyiasatan oleh pembesar. Lazimnya, pemberatan sesuatu keputusan dengan melihat pro dan kontra atau sebab dan akibat sesuatu perkara berlaku akan menjadi keutamaan. Sehubungan itu, hal ini menuntut kerasionalan pemikiran pemerintah. Antara isu rakyat yang diketengahkan dalam Undang-Undang 99 Perak ialah:

- a. pembahagian dan pemilikan tanah
  - Contoh : Fasal 13 : Undang-undang kampung atau dusun sudah tinggal  
“Dan jika dusun tinggal, mana-mana orang yang dekat memeliharanya itu boleh bagi dua dengan orang punya tanaman itu, tetapi tatkala datang tuan yang punya tanaman hendak mengambil buahnya, maulah sama-sama memberi khabar kepada orang yang diam pada tempat itu. jika diambil sahaja kena salah denda sepha emas dirham”... (MS 40327: 18).
- b. pertanian dan pertanian
  - Contoh: Fasal 15: Undang-undang tanam-tanaman dibunuuh orang  
“Jika tanam-tanaman tinggal tiada berguna, jika tiada berkhabar, bayar harganya bagi dua harga, kena denda sepha emas. Jika tanaman itu berguna, bayar harganya, kena denda sepha emas”... (MS 40327: 18).
- c. perkahwinan dan penceraian
  - Contoh: Fasal 31: Undang-undang orang cerai dan bahagi harta  
“Jika laki-laki hendak cerai tiada salah perempuan itu, berbelanja di dalam tiga bulan, dan barang-barang bahagi dua. Mana-mana barang besi atau senjata pulanglah pada laki-laki luar, bahagi barang-barang tembaga atau perkakasan makan pulang pada perempuan. Jika rumah atau kampung pulang pada perempuan. Hutang-piutang pulang pada laki-laki”... (MS 40327: 21).



RAJAH 3. Fasa Pembahagian Isu Rakyat

#### d. Fasa Tindakan Penyelesaian

Seterusnya adalah fasa mengambil tindakan penyelesaian. Fasa ini dicadangkan agar pemerintah mengambil kevariasian pendekatan iaitu pendekatan amaran, pendekatan pemujukan, pendekatan berhelah dan pendekatan berhujah sebagai langkah untuk mencari kesahihan isu yang diutarakan. Pendekatan yang dicadangkan ini adalah untuk mengelakkan pemerintah membuat hukuman yang tidak sewajarnya, yang boleh mendatangkan perbalahan antara masyarakat dan juga kemudaratannya pada diri pemerintah serta kerajaan. Pada masa yang sama, pemerintah juga tidak akan mengambil sikap terburu-buru kerana fasa-fasa yang tersedia dapat dijadikan panduan di samping dapat menyakinkan

rakyat bahawa kerajaan dipandu oleh seorang pemerintah yang bijak dan membelaikangkan emosinya untuk menyelesaikan isu rakyat.

Dalam isu pembahagian dan pemilikan tanah, undang-undang 99 Perak menawarkan penyelesaian kepada pemilikan tanah yang tidak jelas. Pada fasal 13, dinyatakan tentang *Undang-Undang Kampung Atau Dusun* bagi membantu menyelesaikan isu persoalan tanah dan dusun yang tidak ketahuan pemiliknya dan tidak dijaga dalam tempoh masa yang lama. Perkara ini akan membuka ruang berlakunya penerokaan baharu terhadap tanah yang ditinggalkan.

Antara penawaran penyelesaian adalah seperti jadual di bawah:

**JADUAL 2. Butiran isu tanah dan Penyelesaian**

Bil	Isu	Penyelesaiannya
1.	Pemilik hasil tanaman telah meninggal dunia	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu yang lalu lalang di kawasan tersebut boleh mengambil dan memakan hasil tanaman tanpa bayaran.</li> </ul>
2.	Status pemilik kebun yang masih hidup dan memberi izin untuk orang asing tinggal di tanah miliknya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Orang asing atau orang menumpang di tanah tersebut dibenarkan memakan hasil tanaman.</li> </ul>
3.	Dusun yang ditinggalkan oleh tuan tanah tetapi individu lain yang menjaga tanaman di tanah tersebut.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuan tanah perlu meminta izin apabila mengambil hasil tanaman yang dijaga. Jika tidak, tuan tanah akan didenda sepha (sesuku) emas kepada individu tersebut.</li> </ul>

Penyelesaian berkenaan isu tanah adalah satu usaha proaktif bagi memastikan tanah yang terbiar dapat dimanfaat dengan sepenuhnya. Diah Permata Megawati et al. (2022) menyatakan bahawa tanah bukan sahaja berperanan memberikan kemaslahatan pada pemiliknya tetapi juga pada masyarakat umum. Fasal ini juga adalah untuk melindungi serta memelihara hak pemilik selain mengelakkan perselisihan faham. Isu-isu ini juga dapat menyelesaikan tanah terbiar untuk digunakan dalam pembangunan sosio-ekonomi.

Fasal 43 juga berkisar tentang tanah iaitu *Undang-Undang Orang Membuka Tanah Dan Air*.

Maka sembah, “Jika datang orang yang kemudian sebelah hulu tempat itu tiada boleh jadi, jika sebelah hilirnya boleh jadi. tetapi jika rosak kerja orang yang di hulu itu tiada boleh, maulah pulangkan belanjanya boleh dapat bahagi dua.

(MS 40327: 23)

Secara tegasnya, fasal ini memberi amaran atau teguran awal pada individu yang baru membuka tanah bagi mengelakkan daripada melakukan sebarang kerosakan. Namun demikian, sekiranya perkara tersebut berlaku, maka individu tersebut

perlu bersedia membayar separuh daripada harga kerosakan yang telah dilakukan kepada empunya tanah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dua fasal yang menyentuh tentang hal ehwal tanah adalah bertujuan untuk memupuk sikap tanggungjawab dan mengekalkan integrasi antara masyarakat.

Selain isu tanah, Undang-Undang 99 Perak juga menggariskan isu dalam pertanian dan penternakan dengan membicarakan tentang penjagaan haiwan peliharaan. Pada kebiasaannya, haiwan peliharaan dalam masyarakat Melayu adalah seperti kerbau, kuda, ayam, kambing dan itik. Apabila menelaah *Misa Melayu*, gajah sangat akrab dengan kehidupan golongan pemerintah kesultanan Melayu Perak dan digunakan sebagai kenderaan utama untuk membawa keturunan sultan Perak ke majlis formal dan tidak formal kerajaan. Pendek kata, kebergantungan kepada haiwan ini adalah untuk kelangsungan hidup seharian.

Jadual di bawah adalah fasal yang menyentuh tentang penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi rakyat berkenaan isu pertanian dan penternakan.

**JADUAL 3. Butiran Fasal dan Isu Penyelesaian Tentang Pertanian dan Penternakan**

Bil	Fasal	Huraian	Penyelesaian
1.	14	undang orang menghidupi binatang jinak	<p>Isu: haiwan mencederakan orang Hukuman: dikenakan diat</p> <p>“Jika binatang itu dilukanya orang, hukumnya dibayar diat bagi dua harga kepada orang yang luka itu”... (MS 40327: 18).</p>
2.	42	undang-undang menghidupi binatang merosakkan tanaman	<p>Isu: haiwan menyebabkan kecederaan orang Hukuman: haiwan tersebut boleh dibunuh dan tuannya didenda sepha emas</p> <p>“...Jika binatang itu meluka orang, boleh dibunuh, tuannya kena denda sepha emas” (MS 40327: 23).</p>

bersambung ...

*... sambungan*

3.	45	undang-undang orang menghidupi singa	Isu: haiwan merosakkan tanaman orang Hukuman: Tuannya dikenakan bayaran denda sebanyak dua puluh dirham.  ..."Jika rosak tanam-tanaman orang, harganya bayar dua puluh lima dirham" ... (MS 40327: 24).
4.	47	undang-undang orang menghidupi kambing	Isu :haiwan memakan tanaman dalam kawasan orang Hukuman: tuannya didenda membayar harga mengikut kadar kerugian "Jika dimakannya tanam-tanam orang ada pagarnya bayar harganya" (MS 40327: 24).
5.	48	undang-undang orang menghidupi ayam	Isu : membunuh ayam dan itik Hukuman: pelaku perlu membayar sepuluh dinar  "Jika seorang membunuh ayam dan itik di bawah rumah, maka salah, harganya bayar, kena denda sepuluh dinar" ... (MS 40327: 24).
6.	69	undang-undang orang menghidupi anjing	Isu : Anjing yang mengigit orang Hukuman: anjing boleh dibunuh atau tuan anjing mengeluarkan perbelanjaan ubat sepha emas ( sekurang-kurangnya dua puluh dirham)  Ānjing itu boleh dibunuh, tuan anjing kena belanja ubat sepha emas, sekurang-kurangnya dua puluh dirham serta didenda" ... (MS 40327: 29).
7.	70	undang-undang orang menghidupi gajah	Isu : gajah membunuh orang Hukuman: tuannya didenda setahil sepha emas  "jika ia gajah-gajah itu membunuh orang di dalam hutan, kira-kira satu keluar jauhnya daripada kampung orang, boleh kena setahil sepha emas yang empunya gajah itu, beri belanja orang mati itu" ... (MS 40327: 29).
8.	71	undang-undang orang menghidupi kerbau	Isu : kerbau membunuh orang Hukuman: tuannya didenda setahil sepha emas  "...Jika di dalam kampung, salah tuan kerbau, kena denda setahil sepha emas, kerbau itu pulang kepada orang yang mati belanja kebuminya" ... (MS 40327: 29).

Fasal-fasal ini dibangunkan adalah untuk memberi penyelesaian bukan sahaja kepada pemilik haiwan tetapi juga kepada masyarakat tempatan bagi mengelakkan berlakunya isu perbalahan yang berpanjangan. Menerusi pengamatan, kata kunci utama yang ditekankan melalui fasal-fasal ini adalah sikap amanah dan tanggungjawab. Berdasarkan kenyataan Nolee Ashilin yang dipetik oleh Liyana Ramli (2022) pemilik haiwan ternakan perlu bertanggungjawab menjaga dan memastikan haiwan ternakan tidak mengganggu kesejahteraan awam. Justeru itu, fasal yang dinyatakan akan dapat membantu pemilik, mengetahui hak penjagaan dan persempadan haiwan ternakan tanpa perlu mengganggu kehidupan privasi jiran tetangga. Sekiranya, ia berlaku di luar kawalan, pemilik seharusnya bersedia dengan denda atau hukuman yang akan diberikan. Antara dendanya ialah perlu membayar sepha emas, setahil sepha emas, dua puluh dirham atau dua puluh lima dirham dan

menggantikan kadar kerugian bagi tanaman yang telah dirosakkan atau mencederakan orang awam.

## KESIMPULAN

Undang-Undang 99 Perak merangkumi 99 fasal kesemuanya yang mendeskripsikan tentang hal ehwal pemerintahan dan juga kehidupan masyarakat pada zaman kesultanan Melayu Perak. Apabila melibatkan masyarakat yang terdiri daripada golongan pemerintah dan diperintah maka keharmonian isi dalaman sangat dituntut agar kedaulatan kerajaan dapat dipertahankan tanpa adanya gangguan daripada anasir luar. Apabila rapuhnya hubungan kedua-dua golongan ini maka tidak hairanlah ia akan turut mengganggu dasar kepercayaan dan keyakinan pada urus tadbir kerajaan. Dalam penulisan ini, fokus utama adalah untuk membincangkan tentang fasal-fasal yang mencetuskan keharmonian sesama manusia dalam Undang-Undang 99 Perak. Selain pernyataan

tentang fasal-fasal tersebut, hasil kajian juga telah menemui kaedah bagi mengekalkan keharmonian tersebut iaitu: a) pendidikan kawalan sosial beraja, b) amalan perbincangan antara golongan sekufu, c) perkongsian cabaran perasaan dan pemikiran dan, d) menyantuni isu rakyat secara berhemah. Kaedah ini tercipta adalah berdasarkan kepada fasal-fasal yang tersenarai dalam manuskrip. Hasil kajian ini diharapkan akan mendapat sambutan daripada sarjana lain yang meminati genre undang-undang lama untuk menyelongkar kajian dari sudut lain dan mengetengahkannya kepada masyarakat sebagai khazanah ilmu yang tiada taranya.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 1977. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium.
- Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh. 1985. *Dasar-Dasar Pendidikan Menurut Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim. 1995. *Sastera Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Hassan Dawi. 2002. *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Tanjong Malim: Quantum Book.
- Cooper, C. L. & Marshall, J. 1976. Occupational sources of stress: A review of the literature relating to coronary heart disease and mental ill health. *Journal of Occupational Psychology* 49(1): 11–28.
- Diah Permatas Megawati, Patimah & Istiqama. 2022. Tinjauan Hukum Islam terhadap hak milik atas tanah dalam UU No. 5 Tahun 1960. *QaḍāuNā* 3 (2): 311-325.
- Fathi Yusof. 2017. Konsep sekufu satu diskriminasi. <http://www.addeen.my/index.php/munakahat/perkahwinan/item/981-konsep-sekufu-satu-diskrimnasi>. Diakses pada 20 Oktober 2022.
- Fawzi Basri, M.A. 1986. *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Halimah Hassan. 2007. Kawalan sosial dalam Cerita Rakyat Melayu. Dlm. *Cendekia: Kumpulan Esei Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*, disunting oleh Adi Yasran Abdul Aziz, Arbak Othman, Ahmad Mahmood Musanif, hlm. 197-228. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Salmah Jan binti Noor Muhammad, Ph.D.  
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: salmahjan@upm.edu.my
- Zulkifli Mohamad, Ph.D.  
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: zulkiflimohamad@upm.edu.my
- Halimah Hassan. 2019. Raja dan Pembesar dalam “Undang-undang 99”. Dlm. *Kesultanan Melayu Perak*, disunting oleh Harun Mat Piah, hlm. 226-256. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, M.B. 1970. *Readings in Malay Adat Laws*. Singapore: Singapore University Press.
- Jelani harun 2017. Cermin adab politik Melayu berdasarkan naskhah Undang-Undang dan Ketatanegaraan. Dlm *Prosiding Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017*, disunting oleh Harun Mat Piah & Dahlam Samad. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Jelani Harun (Sunt.) 2022. *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Liyana Ramli. 2022. Perak tubuh Jawatankuasa Khas tangani isu ternakan berkeliaran. <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/02/perak-tubuh-jawatankuasa-khas-tangani-isu-ternakan-berkeliaran/>. Diakses pada 26 Oktober 2022.
- al-Munjid fi al-Lughah*. 2002. Dar al-masyriq : Beirut.
- Maxwell, W.E. 1884. The history of Perak from native sources. *JSBRAS* 9: 305-321..
- Mohd Azhar, Mohd Koharuddin Balwi, Muhammed Fauzi Othman & Azmi Md Shah. 2004. Beberapa premis tentang perasaan hasad dengki (Phd) sebagai nilai masyarakat Melayu: suatu polemik?. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu II*, 26-28 Februari, UPSI, Tanjung Malim, Perak.
- Norazit Selat. 1999. Kepimpinan dan ketatanegaraan dalam Undang-undang 99 Perak. Dlm *Warisan Persuratan Johor II: Perundangan dan Ketatanegaraan Melayu*. Disunting oleh Zainal Abidin Borhan & et. al. hlm. 265-281. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Rigby, J. 1908. The Ninety-Nine Laws of Perak. Dlm *Papers on Malay Subjects. Disunting oleh R.J Wilkinson*. Part II, 1-86.
- Rokiah Ismail. 2002. Kawalan sosial dan pelbagai dimensi fungsinya dalam strategi menangani masalah jenayah dan delinkuensi di Malaysia. Dlm *Masyarakat, Budaya dan Pemodenan*. Disunting oleh Rokiah Abdul Aziz. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salmah Jan Noor Muhammad. 2022. Kuasa bahasa menerusi Undang-Undang 99 Perak. E-Prosiding Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu. 9-11 Ogos, Dewan SITC, UPSI, Tanjung Malim, Perak.
- Sillars, A. L., Pike, G. R., Jones, T. S. & Murphy, M. A. 1984. Communication and understanding in Marriage. *Human Communication Research* 10(3): 317–350.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, MS 40327, Perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS), London,
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. Perlumbagaan Kerajaan Perak Attestasi Kedaulatan Watan. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*(3): 1-14.
- Winstedt, R.O. 1909. *Papers on Malay Subjects: Life and Customs*. Part II. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- Yashar Syarif. 2014. *Hifz al-Nasal wa al-Nasab wa al-Usrah. Kertas Kerja yang dibentangkan untuk Muktamar Abhath wa al-Waqai'* kali ke-22.
- Zainal Abidin Borhan. 2017. Adat dan tatasusila Melayu dari perspektif karya agung “Adat Raja-Raja Melayu. Dlm *Prosiding Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017*, disunting oleh Harun Mat Piah & Dahlam Samad. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia